

BAB 1 : TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

Maksud perniagaan :

- aktiviti yang melibatkan urus niaga jual beli barang atau perkhidmatan
- antara penjual dengan pembeli
- bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

Konsep Asas Perniagaan (perkara penting perlu ada)

1. Barang dan perkhidmatan
2. Penjual dan pembeli
3. Pertukaran nilai
4. Kontrak perniagaan
5. Keuntungan perniagaan
6. Memuaskan kehendak dan keperluan pengguna

*Barang dan perkhidmatan

- Barang : sesuatu yang mempunyai bentuk fizikal
- Perkhidmatan : aktiviti yang memberikan faedah kepada pengguna dan peniaga

*Penjual dan pembeli

- Penjual : individu yang menawarkan barang atau perkhidmatan
- Pembeli : Pihak yang memerlukan barang atau perkhidmatan

*Pertukaran nilai

- Aktiviti urus niaga yang melibatkan Tindakan pembeli memberikan sesuatu yang bernilai (wang) kepada penjual
- sebagai balasan kepada produk yang diperoleh

*Kontrak perniagaan

- Perjanjian yang dimeterai oleh dua atau lebih individu

*Keuntungan perniagaan

- Lebihan hasil jualan setelah ditolak semua kos terlibat
- Keuntungan = Jumlah jualan – Jumlah kos

*Memuaskan keperluan dan kehendak pengguna

- Keperluan : sesuatu yang diperlukan oleh manusia untuk meneruskan kehidupan
- Kehendak : keinginan manusia untuk hidup dengan lebih selesa

Aktiviti perniagaan

1. Aktiviti berasaskan barang
Contoh: Menjual pakaian, makanan, perabot
2. Aktiviti berasaskan perkhidmatan
Contoh: Memberi rawatan, pengangkutan, dobi

Tujuan Perniagaan

Menawarkan barang dan perkhidmatan

Jenis Organisasi dalam Perniagaan

1. Organisasi Bermotifkan Untung (OBU)
2. Organisasi Bukan Bermotifkan Untung (OBBU)

OBU	OBBU
Terlibat secara langsung dalam aktiviti pengeluaran dan penjualan barang dan perkhidmatan	Memenuhi keperluan awam dalam pelbagai bidang
Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan dan diminta oleh pengguna	Menyediakan barang dan perkhidmatan untuk membantu golongan kurang berkemampuan
JAKEL, MYDIN. Kedai Runcit, restoran	MERCY MALAYSIA, UNICEF, Rumah anak yatim

Kepentingan Keuntungan kepada perniagaan

1. Untuk mengukur tahap prestasi perniagaan
2. Menentukan hala tuju sesebuah perniagaan
3. Mengembangkan dan memastikan kelangsungan perniagaan
4. Melambangkan imej perniagaan
5. Menjalankan tanggungjawab sosial (menyumbang kepada masyarakat)

Kaedah Perniagaan OBBU

1. Secara percuma

- disediakan secara percuma oleh kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan

2. Jualan pada harga kos

- Tiada keuntungan diperoleh oleh penjual

3. Jualan pada harga di bawah kos

- Harga yang dikenakan lebih rendah berbanding kos sebenar
- Contoh: Subsidi minyak masak, petrol

BENTUK PEMILIKAN PERNIAGAAN


1. Milikan tunggal
2. Perkongsian
3. Koperasi
4. Syarikat

BENTUK PEMILIKAN LAIN

5. Francais
6. Usahasama

Milikan tunggal

- Sejenis aktiviti perniagaan yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh seorang individu sahaja
- Sumber pembiayaan : wang simpanan pemilik, pinjaman daripada saudara mara, agensi kerajaan dan institusi kewangan



Rajah 1.4 Proses pendaftaran penubuhan perniagaan

Kelebihan dan Kekurangan Milikan Tunggal

Kelebihan	Kekurangan
Mudah ditubuhkan	Diuruskan secara berseorangan
Mudah diurus kerana saiz kecil	Beban kerja ditanggung seorang
Bebas menguruskan perniagaan	Sukar berkembang kerana modal kecil
Beban cukai rendah	Menanggung liabiliti tidak terhad

Perkongsian

- Kerjasama antara dua atau lebih individu bagi menjalankan perniagaan
- Tertakluk kepada Akta Perkongsian 1961
- Membentuk satu persetujuan bersama dalam surat ikatan perkongsian (perjanjian perkongsian)
- Sumber pembiayaan : sumbangan rakan kongsi

Kandungan Perjanjian Perkongsian

- Nama firma dan semua rakan kongsi
- Hak dan tanggungjawab
- Jenis dan tempat perniagaan
- Nisbah pembahagian keuntungan atau kerugian
- cara menjalankan dan menamatkan perkongsian

Kelebihan dan Kekurangan Perkongsian

Kelebihan	Kekurangan
Modal lebih besar	Modal terhad
Mudah ditubuhkan	Perniagaan tidak berterusan
Berkongsi kepakaran	Liabiliti tidak terhad

Jenis-Jenis Perkongsian

1. Perkongsian biasa
Rakan kongsi 2 – 20 orang
2. Perkongsian Berhad
Rakan kongsi 2 – 50 orang
3. Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)
Rakan kongsi minimum 2 orang dan tiada had maksimum

Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

- Satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri perkongsian dengan syarikat sendiri berhad

Ciri-ciri PLT

1. Entiti berasingan : pemilik dan perniagaan merupakan dua pihak berbeza
2. Liabiliti terhad : setakat modal yang dilaburkan
3. Hayat berterusan : Perubahan yang berlaku tidak akan menjejaskan kewujudan perniagaan

Kelebihan PLT

1. Entiti berasingan : rakan kongsi bebas daripada Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap syarikat
2. Fleksibiliti perniagaan : boleh meletakkan syarat tambahan mengikut perjanjian perkongsian
3. Liabiliti terhad : Aset peribadi rakan kongsi dindungi sekiranya perniagaan mufliis
4. Penjimatan kos : tidak tertaklut kepada sistem audit dan undang-undang berkanun

Jenis dan Liabiliti Rakan Kongsi

Rakan kongsi berhad	- Liabiliti terhad kepada jumlah modal yang dilaburkan - tiada kuasa pengurusan
Rakan kongsi lelap	- Liabiliti tidak terhad - tidak aktif dalam pengurusan - sumbang modal sahaja
Rakan kongsi biasa	- Liabiliti tidak terhad - berhak menguruskan perniagaan
Rakan kongsi aktif	- Liabiliti tidak terhad - aktif dalam pengurusan - dibayar gaji bulanan
Rakan kongsi nominal (namaan)	- Liabiliti tidak terhad - Nama digunakan sebagai rakan kongsi - Tidak mengeluarkan modal

Tanggungjawab Rakan Kongsi

1. Menjafa kepentingan rakan kongsi lain
2. Melindungi rahsia perniagaan
3. Mencari peluang dan sumber tambahan bagi memajukan perniagaan
4. Memberi idea dan pendapat bagi menyelesaikan masalah

Syarikat Berhad

- Ditubuhkan oleh sekumpulan individu bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan
- Tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965

- Keanggotaan Syarikat Berhad terdiri daripada ahli lembaga pengarah dan pemegang saham
- Ahli Lembaga pengarah: menetapkan pelbagai polisi dan membuat keputusan berkaitan perniagaan
- Pemegang saham: pihak yang memegang kepentingan dalam bentuk milikan saham
- Hak pemegang saham:
 1. Mengundi dalam mesyuarat agung tahunan
 2. Mengundi untuk meluluskan/menolak cadangan yang dibawa ahli Lembaga pengarah
 3. Mengundi untuk melantik ahli Lembaga pengarah

Jenis-Jenis Syarikat Berhad

1. Syarikat Sendirian Berhad (XYZ Sdn Bhd)
2. Syarikat Awam Berhad (XYZ Berhad)

Syarikat Sendirian Berhad

Ciri-ciri:

- * Tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
- * Bilangan ahli dibenarkan : 2 – 50 orang
- * Saham syarikat tidak boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia
- * Pindah milik saham hanya boleh dilakukan dengan kebenaran ahli lembaga pengarah
- * Liabiliti terhad setakat modal yang dilaburkan

Kelebihan dan kekurangan Syarikat Sendirian Berhad

Kelebihan	Kekurangan
Modal lebih besar	Penawaran syer terhad (max 50 orang)
Liabiliti terhad	Beban cukai yang tinggi
Hal ehwal syarikat dirahsiakan	Syer tidak boleh dipindah milik secara bebas

Syarikat Awam Berhad

Ciri-ciri:

1. Bilangan ahli dibenarkan : 2 orang - tiada had maksimum
2. Saham boleh diurusniaga di Bursa Malaysia
3. Pemegang saham asal menanggung risiko kehilangan kawalan atas syarikat jika terdapat pembelian saham dalam kuantiti yang besar

Kelebihan dan Kekurangan Syarikat Awam Berhad

Kelebihan	Kekurangan
Modal lebih besar	Proses penubuhan rumit
Menikmati ekonomi bidang	Beban cukai tinggi
Liabiliti terhad	Pemilik dan pengurusan terpisah
Kewujudan kekal	Tiada kerahsiaan

Perbezaan Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad

Perkara	Sendirian	Awam
Bil. Ahli	2 – 50 orang	2 – tiada had
Laporan kewangan	Tidak perlu diumumkan	Perlu diumumkan kepada orang awam
Urusniaga saham	Tidak boleh diurusniaga di Bursa Malaysia	Boleh diurusniaga di Bursa Malaysia

Koperasi

- Sebuah organisasi perniagaan yang ditubuhkan oleh sekumpulan individu secara sukarela
- Matlamat: untuk melindungi kepentingan anggota

Ciri-ciri Koperasi

- * Melaksanakan kegiatan berkaitan dengan ekonomi untuk memenuhi keperluan anggotanya
- * Aktiviti tidak berunsurkan politik
- * Aktiviti koperasi diuruskan berdasarkan akta, peraturan dan undang-undang kecil koperasi
- * Modal perniagaan disumbangkan oleh anggota
- * Setiap anggota mempunyai hak dalam membuat keputusan
- * Liabiliti terhad setakat sumbangan modal/yuran

Prinsip-prinsip Koperasi

- * **Keanggotaan sukarela dan terbuka**
Terbuka kepada semua tanpa mengira jantina, bangsa, agama dan fahaman politik
- * **Kawalan secara demokratik**
Setiap anggota mempunyai hak bersuara dan mengundi
- * **Penglibatan anggota dalam kegiatan ekonomi**
Setiap anggota berhak untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi / perniagaan yang dijalankan
- * **Kebebasan autonomi**
Setiap anggota berhak bersuara dan menyatakan pendapat dalam sesuatu perkara
- * **Pendidikan, latihan dan maklumat**
Koperasi bertanggungjawab menyediakan pendidikan dan Latihan kepada anggotanya
- * **Bekerjasama antara koperasi**
Kerjasama dengan koperasi lain menjadikan ekonomi koperasi lebih luas dan kukuh
- * **Prihatin terhadap komuniti**
Aktiviti yang dijalankan tidak menjejaskan kepentingan komuniti setempat

Hak anggota koperasi

1. Hak untuk mengundi dalam MAT
2. Terlibat dalam membuat keputusan
3. Menerima pulangan dalam bentuk dividen

Kelebihan dan Kekurangan Koperasi

Kelebihan	Kekurangan
Liabiliti terhad	Kadar pulangan
Pentadbiran secara demokrasi	Pengurusan dan pemilik terpisah
Tiada beban cukai	Pemilikan syer terhad
Rebat	Pindah milik syer

Francais

Hubungan antara dua pihak dari segi perjanjian urusan antara francaisor dengan francaisi

Ciri-ciri umum Francais mengikut Akta Francais 1998

- * Perniagaan mesti dikendalikan mengikut system yang telah ditetapkan francaisor
- * Perniagaan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian
- * Francaisi berhak menggunakan cap atau rahsia dagangan milik francaisor
- * Francaisor mengenakan kawalan berterusan kepada francaisi
- * Francaisor bertanggungjawab memberi bantuan kepada francaisi
- * Francaisi akan membuat suatu bayaran dalam bentuk fi atau balasan lain yang dipersetujui kepada francaisor

Francaisor

Syarikat induk yang memiliki hak asal atas jenama produk

Peranan Francaisor

- Memberi hak untuk menggunakan imej, jenama, sistem operasi dan format perniagaan
- Menyediakan 'blueprint' sebagai panduan francaisi
- Menyediakan khidmat latihan kepada francaisi
- Membiayai kos pengiklanan dan promosi

Kelebihan dan Kekurangan (Francaisor)

Kelebihan	Kekurangan
Dapat mengembangkan perniagaan secara global	Boleh menjejaskan reputasi francaisor sekiranya francaisi tidak mematuhi kualiti produk yang ditetapkan
Menikmati ekonomi bidang	Peningkatan dalam kos sokongan operasi
Mekanisme berkesan bagi menembusi pasaran baru	Kesukaran memilih francaisi yang baik dan berdaya saing
Berkongsi risiko dan tanggungjawab dengan francaisi	

Francaisi

Syarikat yang membeli hak kebenaran untuk menggunakan jenama daripada francaisor

Peranan Francaisi

- Menjalankan aktiviti perniagaan mengikut peraturan dan system piawaian yang ditetapkan francaisor
- Membayar fi atau balasan lain kepada francaisor

Kelebihan dan Kekurangan (Francaisi)

Kelebihan	Kekurangan
Menjalankan satu perniagaan yang sistematik	Perlu mengawal kualiti barang yang ditetapkan
Mendapat sokongan pengurusan	Terikat dengan perjanjian francais
Tidak perlu banyak pengalaman dalam perniagaan	Tiada inovasi dan inisiatif sendiri untuk memajukan perniagaan
Risiko kegagalan rendah	
Jenama terkenal dan jaringan yang luas	
Reka bentuk seragam	

Usaha Sama

- Suatu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat
- dan mereka bersetuju untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan
- dalam jangka masa yang tertentu


Tujuan usaha sama

- Untuk meningkatkan kedudukan syarikat
- Perkongsian kepakaran
- Menambahkan keuntungan perniagaan pemilik

Kelebihan dan Kekurangan Usaha Sama

Kelebihan	Kekurangan
Membantu perniagaan memperluas asas perniagaan	Visi dan Misi berbeza menyebabkan berlakunya konflik
Dapat meningkatkan dana kewangan dan tenaga kerja	Perbezaan budaya dan cara pengurusan boleh membawa masalah
Meningkatkan pengeluaran	
Mendapat teknologi baru dan terkini	
Harta individu dan aset perniagaan asal dikekalkan	
Risiko dikongsi bersama	

Klasifikasi Perniagaan



Saiz Perniagaan:

Faktor Penentu Saiz Perniagaan

- Jumlah jualan tahunan
- Bilangan pekerja tetap

Perniagaan Pengilangan

Saiz	Jualan tahunan (RM)	Bil. Pekerja (orang)
Kecil	300k – 15j	5 – 75
Sederhana	15j – 50j	75 - 200
Besar	50j ke atas	200 ke atas

Perniagaan Perkhidmatan

Saiz	Jualan tahunan (RM)	Bil. Pekerja (orang)
Kecil	300k – 3j	5 – 30
Sederhana	3j – 20j	30 – 75
Besar	20j ke atas	75 ke atas

Kelebihan dan Kekurangan Perniagaan Bersaiz Kecil

Kelebihan	Kekurangan
Kos overhead lebih rendah	Kos pengeluaran tinggi
Cepat menyelesaikan rungutan pelanggan	Kekurangan sumber kewangan
Fleksibel	Sukar mendapat pekerja mahir & berpengalaman
Kos upah lebih rendah	Kurang berdaya saing

Cabaran Perniagaan Bersaiz Kecil

- Masalah aliran tunai

Timbul apabila pelanggan lambat menjelaskan hutang dan pada masa sama perniagaan perlu membayar bil dan lain-lain

- Bebanan Kerja

Kerana tiada pengkhususan. Pengurusan dan keputusan perlu dilakukan sendiri

- Mengekalkan pelanggan lama dan mendapatkan pelanggan baharu

- Memotivasikan pekerja

Kebajikan pekerja dijaga untuk mengurangkan kadar pusing ganti pekerja

- Kos overhead yang tinggi

Perlu mengawal kos overhead

Kelebihan dan Kekurangan Perniagaan Bersaiz Sederhana

Kelebihan	Kekurangan
Mudah ditubuhkan	Sukar menyediakan latihan
Fleksibel (membuat suatu perubahan dengan cepat dan mudah)	Sukar memajukan kerjaya (pekerja tiada peluang kenaikan pangkat)
Semangat berpasukan yang tinggi	Wujud jurang hubungan antara majikan dan pekerja
Pelaporan kewangan syarikat dirahsiakan	

Cabaran Perniagaan Bersaiz Sederhana

- Meningkatkan hasil

Sukar untuk meningkatkan hasil kerana perbelanjaan meningkat

- Pengambilan pekerja

Memerlukan tenaga kerja yang lebih ramai, mahir dan berpengalaman. Perlu bersaing dengan perniagaan besar

- Undang-undang dan peraturan kerajaan

Semakin besar perniagaan semakin banyak peraturan perlu dipatuhi

Kelebihan dan Kekurangan Perniagaan Bersaiz Besar

Kelebihan	Kekurangan
Menikmati ekonomi bidang	Komunikasi kurang berkesan
Dapat menguasai pasaran	Birokrasi
Wujud pengkhususan	Risiko kerugian lebih besar

Cabaran Perniagaan Bersaiz Sederhana

- Ketidakpastian Pasaran

Keadaan ekonomi dan politik, peraturan dan teknologi yang sentiasa berubah

- Pengambilan pekerja

Bersaing untuk mendapat pekerja berpengalaman. Terdapat juga pekerja berpengalaman menubuhkan perniagaan sendiri

- Meningkatkan keuntungan tahunan

Kerana proses perubahan dalam persekitaran sukar dilaksanakan

- Perundangan peraturan kerajaan

Perlu peka terhadap setiap perubahan undang-undang

Sektor Perniagaan

Sektor Utama (Primer) : Semua aktiviti pengekstrakan sumber semula jadi dengan mengeluarkan bahan mentah atau alam semula jadi dari bumi atau laut

- Perlombongan
- Pertanian
- Pembalakan
- Perikanan

Sektor Kedua (Sekunder) : Pemprosesan bahan mentah untuk menghasilkan barang siap atau barang separuh siap

- Pembuatan dan pengilangan
- Kejuruteraan
- Pembekalan tenaga (elektrik etc)
- Pembinaan

Sektor Ketiga (Tertier) : Aktiviti membekalkan perkhidmatan tertentu daripada pengeluar terus kepada pengguna

- Perkhidmatan awam
- Perkhidmatan swasta
- Perkhidmatan sukarela/kebajikan

Skala Perniagaan

terbahagi kepada:

- **Pasaran Domestik**
 - Skala Tempatan
 - Skala Negeri
 - Skala Kebangsaan
- **Pasaran Antarabangsa**
 - Skala Zon
 - Skala Global

Pasaran Domestik: penjualan produk pada peringkat pasaran dalam negara

Skala Tempatan:

- Membekalkan barang dan perkhidmatan di kawasan tertentu sahaja
- Saiz pasaran kecil
- Contoh: Membuka gerai di Serdang

Skala Negeri:

- Menembusi pasaran yang lebih besar pada peringkat daerah dalam sesebuah negeri
- Kos operasi agak tinggi
- Kebanyakan terlibat dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS)
- Contoh: Membuka kedai di Serdang, Shah Alam dan Bangi (dalam negeri Selangor)

Skala Kebangsaan:

- Meliputi pasaran di seluruh negara
- Menikmati ekonomi bidangan (barang/perkhidmatan ditawarkan dengan harga lebih berpaputan kerana perniagaan membeli stok dalam kuantiti yang lebih besar sekaligus mendapat diskaun yang lebih tinggi)
- Contoh: Membuka kedai/cawangan di negeri Selangor, Perak & Melaka. (Seluruh Malaysia)

Pasaran Antarabangsa: Melibatkan beberapa aktiviti perniagaan yang dijalankan **antara sebuah negara dengan negara lain**. Melibatkan aktiviti **import, eskport** dan **entrepot**.

Skala Zon

- Peniaga memberi fokus kepada pasaran di kawasan tertentu
- Contoh: Memasarkan produk di Malaysia, Thailand, Indonesia (Pasaran Benua Asia)

Skala Global

- Pasaran merentasi sempadan
- Mudah ditembusi dengan wujudnya internet
- Menggunakan pelbagai aplikasi seperti laman web dan emel.
- Contoh: Air Asia, Petronas, Tabung Haji, Mcdonalds (pasaran di Seluruh dunia)


Perkembangan Sektor Perniagaan di Malaysia

- **Selepas Merdeka**
Menjalankan aktiviti berasaskan pertanian. Negara kita dikneali pengeluar bijih timah dan getah. Sukar berkembang maju jika hanya bergantung pada sektor utama.
- **1990an**
Kerajaan galakkan rakyat ceburi sektor kedua untuk mengurangkan kebergantungan kepada barang import. Pelbagai galakan diberi kerajaan kepada usahawan tempatan untuk menceburi bidang sektor kedua.
- **Menjelang Abad ke-21**
Sektor ketiga semakin meningkat selaras dengan perkembangan ekonomi negara dan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju

- TAMAT -

BAB 2: TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

2.1 PERANAN KERAJAAN DALAM MENANGANI ISU-ISU TEMPATAN DAN SERANTAU



Peranan Bank Negara Malaysia (BNM)

- Memantau dan mengawal keadaan ekonomi negara
- Meningkatkan kestabilan kewangan bagi pertumbuhan ekonomi dan perniagaan
- Mengawal selia infrastruktur system pembayaran negara

Peranan Kerajaan Pusat

Aspek Perundangan

- **Pengubalan Undang-undang**
- **Perlindungan pengguna**
- **Pelepasan cukai**
- **Pengubalan Undang-undang**
 - Setiap akta digubal untuk mengawal perjalanan aktiviti perniagaan
 - Memastikan setiap perniagaan yang dijalankan mesti didaftarkan
 - Contoh Akta: Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957, Akta Sewa Beli 1967
- **Perlindungan pengguna**
 - Digubal supaya pengguna tidak ditindas oleh peniaga

-Matlamat Undang-undang perlindungan pengguna

- Keselamatan pengguna dalam aspek makanan, ubat-ubatan dan sebarang amalan tidak selamat
- Kesihatan pengguna (melindungi pengguna daripada Tindakan yang boleh mengancam kesihatan)
- Hak pengguna mendapat ganti rugi
- Hak pengguna mendapat alam sekitar yang bersih
- **Pelepasan cukai**
 - pelepasan cukai diberi untuk menggalakkan rakyat Malaysia menceburi sesuatu jenis perniagaan
- Jenis pelepasan cukai**
 - **Taraf perintis:** Dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun kepada syarikat yang menyertai promosi kerajaan
 - **Elaun Cukai Pelaburan:** Diberi kepada perniagaan berstatus MSC dan berasaskan bahan mentah
 - **Potongan cukai:** Diberi kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan

- **Pengecualian cukai:** Diberi kepada syarikat status MSC dan terlibat dalam industri teknologi tinggi
- **Elaun pelaburan semula:** Diberi kepada syarikat yang terlibat dalam pengeluaran makanan, pembinaan jalan dan pembukaan tanah untuk pembelian asset modal

Agensi pungutan cukai Malaysia

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (cukai barang)
- Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) (cukai pendapatan)

Aspek Kewangan

Merujuk kepada sumber pembiayaan (modal) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Agensi kerajaan yang memberi bantuan kewangan:

- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
- TEKUN Nasional

Aspek Perkembangan Aktiviti Perniagaan

- **Aktiviti Promosi**
- **Aktiviti Latihan dan Pembangunan**
- **Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan**

Aktiviti promosi

-Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk mempromosikan aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan di luar Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

-Peranan MATRADE

- Mencari dan membangunkan Kawasan perdagangan baharu
- Menemukan pengeksport Malaysia dengan pengimport dari luar negara
- Mengekalkan perhubungan antara pengimport dengan pengeksport berdaftar
- Mencetak dan mengedarkan bahan bacaan mengenai aktiviti perdagangan Malaysia
- Mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa
- Mengadakan misi perdagangan ke luar negara untuk pengeluar tempatan dan membawa masuk pengimport dari luar negara
- Merancang dan mengendalikan seminar perdagangan antarabangsa

Aktiviti Latihan dan Pembangunan

-Kerajaan telah menganjurkan pelbagai jenis Latihan dan kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peniaga

-supaya dapat bersaing dalam pasaran

-Contoh: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

-MPC ditubuhkan untuk:

- menyediakan input dalam bidang produktiviti dan kuantiti
- mempertingkatkan pembangunan sumber tenaga manusia
- menerajui pergerakan produktiviti dan kualiti
- contoh: Kursus Keusahawanan, Kursus Kewangan dan Kursus Pengurusan

-Latihan: inisiatif yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi untuk menggalakkan produktiviti dalam kalangan pekerja

-Pembangunan: Inisiatif yang diambil oleh organisasi dalam jangka masa yang panjang untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan pekerja dari semasa ke semasa

Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

-Menjana kreativiti dan inovasi

-Antara agensi yang terlibat dalam R&D:

- MARDI : penyelidikan bidang pertanian
- SIRIM : Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan dan bermutu tinggi
- MPOB : Penyelidikan berasaskan minyak sawit
- TNB : R&D bagi menangani isu yang berkaitan dengan tenaga elektrik

Peranan Kerajaan Negeri

- Mempunyai bidang kuasa atas bahan galian dan tanah membolehkan kerajaan negeri mewujudkan kawasan industri
- Menarik kemasukan pelabur dalam pelbagai bidang
- Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) untuk menrancakkan aktiviti perniagaan
- Melalui PKEN, memberi bantuan kepada usahawan baru dengan menghasilkan produk yang mendapat sokongan kerajaan negeri
- Menggalakkan sektor swasta mengusahakan bidang pertanian dalam negeri
- Menyediakan lokasi strategik dan beberapa skim galakan kepada usahawan

Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

- Pelaksana dasar pada peringkat akar umbi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan
- Mengurus dan mentadbir sesebuah kawasan
- Menangani isu-isu tempatan
- Memastikan Kawasan pentadbiran dalam keadaan selamat dan mengawal kesihatan awam
- Merancang pembangunan untuk masyarakat setempat
- Menyediakan kemudahan infrastruktur
- Mewujudkan pusat perniagaan seperti pasar malam, gerai-gerai
- Melaksanakan tanggungjawab sosial yang meliputi pembangunan kemudahan awam
- Memastikan setiap pembinaan bangunan dalam keadaan selamat dan sempurna
- Menggubal undang-undang kecil berkaitan perniagaan di Kawasan setempat

Contoh PBT : **Majlis Bandaraya** Kuala Lumpur (DBKL),
Majlis Perbandaran Sepang dan lain-lain

Peranan Kerajaan dari Aspek Pertumbuhan Ekonomi

- **Peringkat tempatan**
Perkembangan perniagaan pada peringkat ini membantu meningkatkan pendapatan penduduk setempat sekaligus membolehkan penduduk berbelanja lebih seterusnya memacu ekonomi setempat.
- **Peringkat negara**
Memperkuh ekonomi melalui pelaksanaan dasar iaitu:
 1. Dasar fiskal: pelaksanaan cukai
 2. Dasar kewangan: dilaksanakan melalui BNM dengan menetapkan kadar faedah berdasarkan keadaan ekonomi semasa
- **Peringkat serantau**
Kerajaan menyediakan elaun eksport untuk menggalakkan perniagaan mengeksport lebih banyak barang dan perkhidmatan ke luar negara

Peranan Kerajaan dari Aspek Guna Tenaga

Guna tenaga penuh: berlaku apabila sesebuah negara mencapai kadar pengangguran kurang dari 4%.
(pengangguran geseren)

Jenis pengangguran

- **Pengangguran bermusim**
Pekerja bekerja dalam jangka masa pendek pada setiap tahun. Contoh: pekerja kontrak/nelayan

Cara atasi: Kerajaan memberi insentif kepada perniagaan untuk membenarkan pekerja terus bekerja

- **Pengangguran kitaran**

Keadaan ekonomi meleset

Cara atasi: menjalankan dasar fiskal dan dasar kewangan untuk menstabilkan ekonomi

- **Pengangguran teknologi**

Perniagaan mengutamakan teknologi menggantikan pekerja. Contoh: Kad touchngo menggantikan pekerja di laluan tol

Cara atasi: penggunaan mesin moden hanya digunakan untuk proses tertentu

- **Pengangguran struktur**

Perubahan dalam industri secara keseluruhan. Contoh: sektor perindustrian (90an) beralih ke sektor perkhidmatan (Abad21)

Cara Atasi: Kerajaan membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan. Kerajaan perlu peka tentang perubahan global

Peranan Kerajaan dari Aspek Ekonomi

- **Inflasi**
- **Deflasi**

Inflasi

Maksud: satu fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.

Faktor: Peningkatan permintaan barang/perkhidmatan
Kenaikan kos pengeluaran (inflasi tolakan kos)

Cara mengatasi:

1. Mengawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan
2. Memberi subsidi kepada pengeluar supaya tidak berlaku peningkatan kos pengeluaran
3. Meningkatkan kadar faedah
4. Tindakan kerajaan melalui dasar-dasar yang dilaksanakan

Deflasi

Maksud: Satu keadaan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan

Faktor: Permintaan jatuh kerana penduduk tidak mampu membeli barang/perkhidmatan di pasaran
Kesan:

1. Membantutkan aktiviti perniagaan
2. Penduduk kehilangan pekerjaan
3. Kuasa beli penduduk menurun

Cara mengatasi:

1. Menurunkan kadar cukai
2. Memberi khidmat nasihat dan perundangan
3. Dasar kewangan negara

Trend Persekitaran Perniagaan

Suatu arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan

• Trend Meningkat

Menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat

Faktor dalaman:

- Pekerja yang bermotivasi tinggi, kreatif dan inovatif

- Pengurusan yang cekap dan sistematik

Faktor luaran:

- Keadaan ekonomi berkembang pesat

- Situasi politik dan perundangan yang stabil



• Trend Menurun

Menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin menurun

Faktor dalaman:

- Pekerja yang kurang produktif

- Pemasaran kurang berkesan

Faktor luaran:

- Keadaan ekonomi yang lembap

- Situasi politik dan perundangan yang tidak stabil



• Trend Mendatar

Menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan dalam keadaan konsisten

Faktor dalaman:


- Tiada perubahan ketara

berlaku pada pengurusan dan pekerja

Faktor luaran:

- Keadaan ekonomi tiada perubahan ketara

- Situasi politik tiada perubahan ketara



Pasaran

Suatu keadaan berlakunya urusan niaga antara penjual dan pembeli, pada suatu tingkat harga dan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Jenis pasaran

1. Pasaran untuk semua
Ditawarkan kepada semua pengguna
Contoh: sabun, sos cili
2. Pasaran produk
Permintaan dan penawaran semua jenis produk
Contoh: makanan, pelancongan
3. Pasaran kewangan
Jual beli saham, pertukaran wang asing, pinjaman dan pelaburan

Trend Guna Tenaga, Pendapatan dan Pertumbuhan Ekonomi

(a) Trend Guna Tenaga

Guna Tenaga: Pekerja yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam sesuatu pekerjaan.

-Pembangunan negara

*Aktiviti pengeluaran

Sektor utama seperti pertanian

